

15 FEB 2001

APDC-PERSIDANGAN

APDC JANGKA 300 SERTAI PERSIDANGAN PKS

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Seramai 300 orang dan 100 syarikat yang mempamerkan keluaran perusahaan kecil dan sederhana dari 15 negara dijangka menyertai satu persidangan yang akan menyaksikan Pusat Pembangunan Asia dan Pasifik (APDC) sebagai tuan rumah.

Persidangan bertajuk "Globalisasi dan Pembangunan PKS" itu akan diadakan Julai tahun ini, kata pengarah APDC Dr Mohd Noor Harun.

Bagaimanapun, tarikh sebenar bagi persidangan selama tiga hari di Langkawi itu masih belum ditetapkan.

Persidangan tersebut adalah anjuran bersama Lembaga Kemajuan Langkawi (LADA) dan Inter-American Development Bank (IADB).

Tumpuan utama persidangan ini ialah menyediakan ruang pertemuan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan pembekal sumber-sumber strategik, seperti modal teroka, saluran pasaran, teknologi, risikan pasaran dan Mohd Noor pada satu majlis taklimat eksekutif mengenai persidangan tersebut di sini hari ini.

Ia juga akan mengkaji kekangan-kekangan yang ada dan menawarkan penyelesaian berhubung dengan pembangunan PKS di Asia dan Amerika Latin, tambah beliau.

Pada masa yang sama persidangan ini akan juga memberi kefahaman kepada PKS tentang cara-cara menghubungkan rangkaian tempatan mereka dengan rangkaian PKS yang serupa di Amerika Latin dan negara-negara Asia yang lain, katanya.

Mohd Noor menegaskan: "Dengan penyertaan pakar-pakar terkenal dari 18 negara, kami menjangkakan satu majlis dialog dan perbincangan yang rancak dalam persidangan ini di samping pameran keluaran yang pelbagai."

Peserta-peserta akan mempunyai platform yang baik untuk menjalin rangkaian dan bertukar-tukar pengalaman serta berpeluang untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan mereka, kata beliau.

Persidangan ini akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

SM SEL KY OS